



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

PENGUMUMAN BERKENAAN PERMOHONAN TUNTUTAN PERJALANAN (RAWATAN LUAR STESEN & SAKSI PIHAK KERAJAAN) PESARA AWAM PERSEKUTUAN DAN TANGGUNGAN YANG LAYAK

Dimaklumkan bahawa berkuatkuasa **mulai 17 Julai 2024**, permohonan Tuntutan Perjalanan (Rawatan Luar Stesen & Saksi Pihak Kerajaan) Pesara Awam Persekutuan dan tanggungan yang layak perlu dikemukakan kepada pihak KWAP **sebelum 15 hari bulan** dalam bulan yang berikutnya.

Mohon rujuk lampiran yang diletakkan di ruangan makluman untuk senarai semak dokumen.

Nama dokumen: Senarai Semak Dokumen Tuntutan Perjalanan (Rawatan Luar Stesen & Saksi Pihak Kerajaan) serta Tuntutan Dialisis (Individu) Pesara Awam Persekutuan dan tanggungan yang layak.

Sekian, dimaklumkan. Terima kasih.

=====

PENGUMUMAN BERKENAAN PERMOHONAN TUNTUTAN DIALISIS PESARA AWAM PERSEKUTUAN DAN TANGGUNGAN YANG LAYAK

Dimaklumkan bahawa, **berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024**, permohonan Tuntutan Dialisis (Individu) Pesara Awam Persekutuan dan tanggungan yang layak perlu dikemukakan kepada pihak KWAP **dalam bulan yang berikutnya**.

Mohon rujuk lampiran yang diletakkan di ruangan makluman untuk senarai semak dokumen.

Nama dokumen: Senarai Semak Dokumen Tuntutan Perjalanan (Rawatan Luar Stesen & Saksi Pihak Kerajaan) serta Tuntutan Dialisis (Individu) Pesara Awam Persekutuan dan tanggungan yang layak

Sekian, dimaklumkan. Terima kasih.

=====

Senarai Semak Dokumen Tuntutan Perjalanan (Rawatan Luar Stesen & Saksi Pihak Kerajaan) serta Tuntutan Dialisis (Individu) Pesara Awam Persekutuan dan tanggungan yang layak.

| Bil. | Tuntutan perjalanan rawatan luar stesen | Tuntutan perjalanan bagi tujuan saksi pihak Kerajaan | Tuntutan dialisis (individu) |
|------|---|---|--|
| 1. | Borang asal JPA.BP.UBAT.B04 | Borang asal JPA.BP.MAK.B01 | Borang Perubatan 1/09 yang lengkap di Bahagian I, II, III dan IV <ul style="list-style-type: none"> Bahagian IV - No. 16 perlu menyatakan RAWATAN DIALISIS dan UBAT/ SUNTIKAN serta disahkan oleh Pakar Perubatan Nefrologi Kerajaan. |
| 2. | Surat rujukan asal; atau salinan surat rujukan yang diakui sah. | | |
| 3. | Dokumen yang membolehkan untuk pengesahan kehadiran di hospital yang dirujuk: <ol style="list-style-type: none"> Slip kehadiran (<i>time slip</i>); atau Salinan slip kehadiran (<i>time slip</i>) yang diakui sah; atau Salinan kad temujanji (<i>appointment card</i>) lengkap dengan tarikh dan masa yang diakui sah. Temujanji di Institut Jantung Negara (IJN) - Surat panggilan temujanji yang disahkan oleh pegawai perubatan IJN. | Dokumen yang membolehkan untuk pengesahan kehadiran di mahkamah yang dirujuk: <ol style="list-style-type: none"> Sapina asal (saman kepada saksi) Surat panggilan oleh Jabatan Peguam Negara bagi kes perbincangan untuk kes sivil dan kes yang bukan melalui sapina seperti contoh saksi semasa tribunal/ timbang tara. | <ul style="list-style-type: none"> Resit asal bayaran Bil terperinci (jika butiran rawatan tidak dinyatakan di resit) |
| 4. | Resit tambang pengangkutan awam (nama pesara/pesakit/waris). Bagi resit atas nama waris, pesara perlu membuat pengesahan di atas salinan dokumen seperti berikut: <p>Perbelanjaan yang disokong dengan resit bukan atas nama saya/ salinan resit diakui sah berjumlah sebanyak RM_____ telah sebenarnya dilakukan dan dibayar bagi pihak saya atas urusan rasmi dan tuntutan adalah berdasarkan kelayakan saya.</p> | Resit tambang pengangkutan awam (nama pesara/waris). Bagi resit atas nama waris, pesara perlu membuat pengesahan di atas salinan dokumen seperti berikut: <p>Perbelanjaan yang disokong dengan resit bukan atas nama saya/ salinan resit diakui sah berjumlah sebanyak RM_____ telah sebenarnya dilakukan dan dibayar bagi pihak saya atas urusan rasmi dan tuntutan adalah berdasarkan kelayakan saya.</p> | Surat pengesahan hospital (jika ada). |
| 5. | Penyata bayaran tol perlu memaparkan nama pesara atau pesakit sahaja. | Penyata bayaran tol perlu memaparkan nama pesara atau pesakit sahaja. | Salinan Kad Pengenalan Pesara/ Penerima Pencen Terbitan. |
| 6. | Resit asal bayaran hotel (perlu memaparkan nama pesara atau pesakit sahaja). | Resit asal bayaran hotel (untuk jarak melebihi 50km). | Salinan Kad Pesara / Penerima Pencen Terbitan. |
| 7. | Resit asal caj letak kereta. | Resit asal caj letak kereta. | |